

# Gangguan projek MRT berterusan hingga Ogos 2015

**?** Saya mendapati laluan di sepanjang Persiaran Surian menghalakan The Curve dan eCurve sering mengalami kesesakan teruk akibat gangguan projek pembinaan projek Mass Rapid Transit (MRT). Berapa lama keadaan ini akan berterusan.

## **Pengguna Tertekan**

Bangsar, Kuala Lumpur

**!** Jalan berkenaan mengalami gangguan berikutan kerja pembinaan projek MRT sejak Ogos lalu. Gangguan akan berterusan sehingga kerja pembinaan selesai pada Ogos 2015. Orang ramai boleh menggunakan laluan alternatif ke pusat beli-belah itu bagi mengelakkan kesesakan. Antaranya, dari lebuh raya Damansara-Puchong (LDP) melalui Persiaran Surian;

dari Kota Damansara, LDP ke Jalan PJU 7/5 atau boleh juga terus dari Penchala Link atau Damansara Perdana. Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi pegawai Perkhidmatan Pelanggan the Curve dan eCurve di talian 0377106868 dan 0377250277.

## **Jurucakap**

The Curve



Kelancaran trafik di **Persiaran Surian** terganggu akibat Projek pembinaan MRT.